

## Soalan Lazim Pelajar Kanan Ketika Perintah Kawalan Pergerakan

1. Adakah pelajar sedia ada perlu pulang ke kampus untuk memulakan pengajian sesi Julai 2020?

Pelajar yang perlu pulang ke kampus bagi pengajian sesi ini tertakluk kepada perkara berikut seperti yang diarahkan oleh KPT:

- a. pelajar semester/tahun akhir dan/atau pelajar yang perlu menjalankan kerja-kerja klinikal, latihan amal, makmal, bengkel, studio reka bentuk atau pelajar yang memerlukan peralatan khusus bagi melengkapkan keperluan kursus.
  - b. pelajar yang tidak mempunyai capaian internet dan tidak mempunyai suasana belajar yang kondusif
2. Adakah saya perlu mendaftar di kolej?

Tidak, pelajar dikehendaki membuat pembayaran pendaftaran mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kewangan kolej masing-masing bagi memastikan proses auto-registration berjalan dengan lancar. Pelajar boleh membuat pembayaran secara online di <https://epay.kptm.edu.my>

3. Perlukah saya membuat pendaftaran kursus untuk sesi Julai 2020 ini?

Tidak kerana pendaftaran kursus adalah secara automatik. Namun pelajar perlu membuat proses tambah gugur sekiranya perlu melalui SPMP/CMS. Pelajar dinasihatkan untuk menghubungi mentor atau pensyarah atau pegawai SPRS untuk sebarang bantuan.

4. Bagaimana saya tahu jadual kuliah saya?

Pelajar boleh dapatkan jadual di laman web kampus dan/atau portal yang disediakan oleh kolej.

5. Di rumah saya tiada talian internet yang baik, bagaimana boleh saya meneruskan pembelajaran secara online?

Pelajar perlu memaklumkan kepada pensyarah untuk mendapatkan alternatif pembelajaran yang sesuai.

6. Bolehkan saya pulang ke kolej kerana keadaan dan suasana di rumah saya tidak sesuai untuk belajar?

Boleh. Pelajar perlu hubungi pengurusan kolej untuk mendapatkan kebenaran.

7. Berapa ramai pelajar akan ditempatkan di dalam setiap bilik?  
Setiap bilik asrama (kediaman) KPTM dan KUPTM akan dikurangkan 50% daripada kapasiti asal. Sebagai contoh, sekiranya sebelum ini sebuah apartmen ditempatkan seramai 10 orang pelajar, kapasiti terkini adalah 5 orang sahaja. Kapasiti baharu ini tertakluk kepada tarikh penamatan tempoh PKP oleh pihak berkuasa.
8. Adakah yuran kediaman akan dinaikkan?  
Yuran yang perlu dibayar oleh pelajar yang tinggal di asrama kekal pada kadar asal.
9. Adakah semua pelajar diwajibkan duduk di asrama? Sekiranya pelajar ingin duduk bersama ibu bapa, bagaimanakah proses permohonan yang perlu dibuat?  
Polisi KPTM mewajibkan semua pelajar tahun pertama tinggal di asrama. Namun sekiranya pelajar ingin tinggal bersama ibu bapa, pelajar perlu membuat permohonan untuk mendapatkan kelulusan daripada pengarah kolej.
10. Adakah pelajar dibenarkan membawa kenderaan sendiri?  
Pelajar tahun pertama tidak digalakkan membawa kenderaan sendiri.
11. Adakah kenderaan disediakan untuk pelajar berulang-alik dari kampus ke asrama?  
Pihak kolej menyediakan kenderaan bagi kemudahan kepada pelajar yang ditempatkan di asrama yang disewa daripada pihak swasta.
12. Adakah pelajar wajib memakai Face Mask ketika berada di kediaman?  
Tidak. Pelajar hanya diwajibkan memakai face mask semasa berada di khalayak ramai, seperti di perpustakaan, dewan kuliah, kafeteria dan sebagainya.
13. Adakah perkhidmatan jualan makanan disediakan?  
Ya. Bagi asrama yang mempunyai kafeteria, pelajar boleh membeli keperluan makanan harian di kafeteria. Pelajar adalah digalakkan untuk membeli secara “take away” bagi mengurangkan risiko jangkitan. Walau bagaimanapun, sekiranya perlu, pelajar boleh “dine in” dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan pihak kolej.
14. Adakah pelajar dibenarkan untuk mengikuti atau mengadakan aktiviti riadah?  
Pelajar dibenarkan beriadah dengan mengamalkan penjarakan sosial. Aktiviti riadah seperti bersenam dan berjoging secara bersendirian adalah digalakkan. Manakala hanya

aktiviti bersukan secara individu seperti badminton, ping pong dan lain-lain dibenarkan secara minima.

15. Adakah pelajar boleh menggunakan kemudahan surau di asrama?

Pelajar dibenarkan menggunakan kemudahan di surau secara minima. Solat berjemaah dibenarkan tertakluk kepada SOP yang disediakan pihak kolej.

16. Adakah pelajar dibenarkan untuk pulang bermalam atau balik ke rumah masing-masing semasa cuti semester atau hari-hari cuti am?

Kelulusan untuk pulang bermalam atau balik ke rumah masing-masing tertakluk kepada arahan terkini pihak berkuasa.

### SOALAN LAZIM PELAJAR INDUSTRI

1. Bagaimana cara Latihan Industri dilaksanakan sepanjang PKPB ini?

Pelajar boleh membuat pilihan seperti berikut:

a. Pelajar yang tidak mendapat penempatan LI kerana risiko pandemik COVID-19, boleh memohon penangguhan menjalani LI ke semester seterusnya; atau

b. Pelajar dikehendaki mencari industri/majikan yang boleh bekerjasama untuk membantu pelajar menjalankan projek berasaskan industri dengan persetujuan industri/majikan dan KPTM; atau

c. Pelajar membuat projek akhir yang diluluskan oleh Fakulti.

2. Sekiranya ada majikan yang menerima saya untuk Latihan Industri ketika PKPB ini, bolehkah saya meneruskan LI saya?

Boleh, selagi mana peraturan Kementerian Kesihatan Malaysia dipatuhi.

3. Apa perlu saya buat sekiranya saya belum mendapat tempat LI?

Pelajar perlu maklumkan Koordinator LI untuk bantuan carian tempat.

4. Bolehkah saya menjalankan LI saya dari rumah?

Boleh sekiranya dipersetujui oleh majikan dan maklumkan kepada Koordinator LI.

5. Apakah implikasi yang saya hadapi sekiranya saya menangguhkan LI?

Penangguhan LI akan memberi implikasi kepada pinjaman/tajaan pelajar. Pelajar dinasihatkan untuk berbincang dengan Pegawai Unit Tajaan di kolej untuk keterangan lanjut.

6. Bolehkah saya ingin menukar tempat LI?

Pelajar perlu menghubungi Koordinator LI untuk mendapatkan kebenaran.